

Kupasan masyarakat:

DARI MANA DATANGNYA KEBURUKKAN AKHLAK

“Pendidikan Islam sayogialah diadakan di sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris.

Pelajaran agama yang berjalin sejarah di sekolah sayogialah diisi, kerana kalau hanya semata-mata diajar rukun sembahyang, sah dan batal air sembahyang belum boleh diakui anak-anak kita telah mempunyai pendidikan agama. Pelajaran sejarah Islam dan pokok pegangan Islam mengikut cara baharu dan maju itulah dapat menanam semangat beragama di dalam dada anak-anak kita dan sudah tentu masyarakat kita tidak akan mengalami lagi penyakit “krisis moral” atau keruntuhan akhlak” – kata Tuan Hasan Hāji Muḥammad dalam kupasan ini.

(oleh Hasan Hāji Muḥammad)

Kalau saya bertanya dari mana datangnya kasih? Tentu tuan menjawab : “dari mata terus ke hati”, habis perkara! tetapi kalau saya bertanya dari mana datangnya krisis moral? Tuan menjawab “dari kekosongan pendidikan agama dan budi”, sebenarnya itu belum boleh memuaskan, jawapan soalan ini tidak semudah jawapannya soalan di atas kerana ini menghendaki pengajian dan perhatiannya.

Zaman kita ini adalah zaman kesedaran, seluruhnya menghendaki dalil yang terang, alasan yang logik diterima akal, sebarang apa yang ditolak oleh akal tidak boleh diterima lagi.

Dahulu kalau orang bertanya apa dalil ada Tuhan, sudah cukup dengan jawapan dalilnya ada sekalian alam ini, tetapi sekarang jawapan itu sudah tidak laku lagi, sudah menjadi barang kolot dan baku. memang zaman sekarang segala-galanya menghendaki kupasan dan penerangan yang logik, zaman akal kebebasan dan merdeka!

Soal krisis moral atau keruntuhan akhlak,

sebenarnya bukan sahaja terdapat di tanah air kita ini, malahan boleh di katakan rata-rata dunia Barat atau Timur seluruhnya memperkatakan soal ini. Sebegitulah banyak orang memperkatakannya, tetapi sangat sedikit orang yang menjawab menyelami dan mengkaji di manakah hakikat datangnya krisis moral dan bagaimanakah cara-cara mengatasinya.

Dahulu datuk nenek kita yang dikatakan hidup dalam cara kuno dan jauh dari sebarang bau kemajuan itu tidak kedapatan sarang-sarang pelacuran, taman-taman hiburan, filem-filem yang menimbulkan nafsu berahi, pertandingan ratu-ratu kecantikan yang berpakaian tiga suku telanjang, taring-taring yang menegakkan bulu roma tetapi dalam zaman kita ini zaman yang penuh dengan sekolah-sekolah penuh dengan tempat-tempat pelajaran, penuh dengan cerdik cendiakawan penuh dengan alim ulama penuh dengan professor-profesor dan mahaguru. Maka seluruh kebaculan yang menjolok ini kedapatan belaka.

Inilah zaman kemajuan kebendaan yang membubung tinggi sedangkan kemajuan rohani makin menurun jatuh ke bumi, lebih rendah dari makhluk melata.

Dengan melihat kemajuan pelajaran, kemajuan pengetahuan yang kita banggakan hari ini sudah semestinya kedudukan moral makin membubung tinggi, setinggi kemajuan pengetahuan yang telah didapati, tetapi malangnya tidak demikian.

Sebenarnya kita mudah tersasul, sudah menjadi terlalu tolol, tidak pandai memilih tidak pintar membeli, sebarang apa sahaja yang diimport dari barat seluruhnya kita terima, kita sambut dengan riang gembira, seolah-olah itulah barang berharga bermutu tinggi, emas asli sedangkan hak kepunyaan sendiri dilupa dan ditinggalkan begitu sahaja.

Kita sebenarnya telah terlalu.....

Kita menerima peradaban Barat dengan memandang peradaban Timur. Kita menerima kebudayaan Barat dengan membelakang kebudayaan Timur.

Tegas sebarang apa yang datang dari Barat, semuanya dianggap mulia, dianggap maju dengan terus melupakan kekayaan dan kemuliaan kita sendiri.

Oleh itu pengaruh Barat telah memasuki masyarakat kita, banjir meruntuh dengan deras dan kerasnya, mana dibanding yang rapuh. Mana pagar ang makan bubur. Mana binaan yang tidak kuat asasnya seluruhnya roboh ranap, hanyut bergelimpangan dengan memakan korban yang bukan sedikit.

Oleh sebab itu kita tidak pelik sekiranya kita temui dalam masyarakat kita manusia yang tergila-gila dengan sosial, manusia yang berasa megah membinasakan anak dan isterinya dipeluk dan dipegang erat oleh orang-orang lain di dalam sebuah majlis pesta. Membiarkan anak dan isteri dipertonton oleh orang ramai dengan pakaian yang hampir bogel kerana memenangi ratu kecantikan, menerima hidayah mahkota bertatah intan, menjadi hiasan akhbar dan majalah-majalah seolah-olah bidadari turun menjelma juga kita tidak pelik sekiranya kita dapati banyak sarang pelacuran yang

pula bertingkat-tingkat kelasnya, kelas satu, dua, tiga hingga keibu ayam, jug ataman hiburan. Filem-filem yang lucah buku-buku yang cabul majalah-majalah menyolok. Gadis-gadis yang bebas berkeliaran bertemasya ke sana, bersosial kini dengan memakai pakaian potongan model baharu, sampai tersingkat betis dan paha, dengan pipi yang montok, dengan dada yang membusuk terbuka. Berjalan dengan langkahnya yang bergaya. Seolah-olah dia telah bertukar menjadi jejak, kerana merubat kemajuan konon.

Inilah gara-garanya krisis moral. Keruntuhan akhlak. Kerendahan budi pekerti masyarakat bangsa kita yang sudah tersasul dek tertelan racun kebudayaan Barat kebudayaan yang tak pangkal penyudahan sehingga sampai kepada mengadakan kelab berbogel. Mungkin bukan terbatas setakat itu sahaja malah terus akan diadakan pula suatu kelab yang tidak ada apa-apa peraturan hidup (masyarakat seluruhnya sama sahaja, boleh bertukar ganti. Panjat memanjat kerana hasil bebas bergerak bebas, berfikir, berakal merdeka.

Dan sampai kini agaknya tetaplah habis kemajuan yang diperlolong-lolongkan itu. Oh! kiranya demikian alangkah kesalnya, kenapakah manusia ini dikurniakan akal. Buang sahajalah akal itu, yang hanya membuah cerewet sahaja pada kemajuan yang kita hendak capaikan itu.

Kesimpulannya oleh sebab terputus pertalian rohani terkandas perhubungan batin. Kosong dari iman. Lompong dari faham ketuhanan, itulah manusia jatuh terjerembab ke dalam perlimbahan krisis moral yang sentiasa menghanyut menggoyang dan menggegarkan pertimbangan akal. Memang akal tidak akan sanggup mengawal diberi atau mengatur masyarakat kerana manusia menggunakan akal semata-mata

itulah padahnya manusia hangus terbakar oleh hasil ciptaan akal nya sendiri.

Jelasnya, agama adalah memegang peranan penting dalam masyarakat hidup manusia, dengan agamalah manusia dapat mengatasi sebarang krisis moral, keruntuhan akhlak tetapi jangan pula silap faham maksud agama di sini, kerana kalau agama itu semata-mata difaham iaitu pelajaran agama, tidaklah memberi erti, kerana berapa banyak orang yang mempunyai pelajaran agama, kalau ditimbang kitab pelajaran agamanya sudah lebih dari satu tan, taman semata-mata pelajaran agama belum menjamin ketenteraman hidup yang saya katakan tadi, tegasnya belum menjamin dapat mengatasi krisis moral yang kita dan dunia sedang alami hari ini. Tetapi agama yang saya maksudkan itu ialah didikan agama, didikan meniup dan menanam roh iman di dalam agama, didikan meniup dan menanam roh iman di dalam dada, kerana dengan pendidikan agama inilah baharu memberi kesan yang memuaskan.

Sebaik zikir ialah perlahan-lahan; dan sebaik-baik rezeki atau penghidupan ialah cukup – (maksud hadis Sharīf).

*

Allah tetap menolong hambanya selama hamba itu menolong saudaranya – (maksud hadis Sharīf)

-sambungan dari muka 10

Islam di negara Indonesia

Di dalam masa inilah Masyumi dapat berjalan lebih kuat dan lebih mendalam di dalam perasaan rakyat kerana apa yang disebut dan ditakuti oleh Masyumi terzahir dengan terangnya seperti siang sedang anggota-anggota Nahdat al-‘Ulamā’ sendiri sudah tidak puas hati dengan pemimpin yang mahu bekerjasama dengan komunis.

Di sebalik itu orang hairan mengapa pula Nahdat

al-‘Ulamā’ dan parti-parti Islam yang lain tidak dapat bekerjasama bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan Islam seperti Masyumi sedang dengan komunis dan kebangsaan boleh? Inilah soalnya sekarang yang boleh dijadikan bukti bahawa kerana kerusi perjuangan cita-cita yang murni menjadi pecah belah, baiah yang dibuat diingkari dan perpecahan inilah yang dikehendaki oleh kemunis kerana dengan perpecahan itu dapatlah ia melumpuhkan perjuangan Islam di Indonesia yang dipelopori oleh Masyumi yang ditakuti itu

Komunis menyepak al-Quran

Akhbar-akhbar Islam di Indonesia telah ribut lagi apabila seorang bernama Payaran, di Medan telah menghinak-hinjak al-Quran. Payaran adalah seorang komunis – pengikut parti komunis Indonesia.

Ia melakukan perbuatan itu ialah menunjukkan kepada jiran-jirannya bahwa kononnya Quran itu satu benda yang tidak berharga. Mula-mula ia mendudukinya kemudian menyepak-nyepaknya lalu ia lari dari tempatnya.

Melihat penghinaan yang tersebut orang-orang Islam di Medan telah mengadakan persidangan agung untuk menuntut pemerintah supaya mengambil langkah yang tepat kepada penghina-hina agama itu.

penggal 1 dan 2 sudah siap - sepenggal \$ 1.20

‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb

oleh: ‘Abdullāh Basmeh

silalah pesan kepada:

Qalam Press Ltd..

356-358, Geylang Road, Singapore 14.
